



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL WILAYAH PERSEKUTUAN YANG CEMERLANG

KUALA LUMPUR, 14 DISEMBER 2015 – YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan YB Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyampaikan Anugerah Penjaja Dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan yang julung kali diadakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) kepada golongan penjaja dan peniaga kecil.

2. Lima (5) kategori yang dipertandingkan dalam Anugerah Penjaja Dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan adalah Kategori Harapan, Kategori Barangan Kering, Kategori Barangan Basah, Kategori Makanan Dan Minuman dan Kategori Terbaik Keseluruhan. Tetapi, bagi Kategori Barangan Basah, tiada pencalonan dikemukakan oleh pihak persatuan. Anugerah Penjaja Dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Terbaik Keseluruhan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM20,000, piala iringan dan sijil penghargaan. Manakala bagi kategori Makanan Dan Minuman serta kategori Barangan Kering menerima wang tunai sebanyak RM10,000 masing-masing beserta piala iringan dan sijil penghargaan. Bagi kategori Harapan pula menerima hadiah wang tunai sebanyak RM5,000, piala iringan dan sijil penghargaan.

3. Penetapan '*Term of Reference*' (TOR) bagi penentuan kategori dan penilaian telah dibuat bersama dengan pihak Persatuan-Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan yang merujuk kepada anugerah-anugerah seumpamanya yang pernah dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan

Perdana Menteri. Program ini melibatkan 58,000 penjaja berlesen di Kuala Lumpur, 78 di Putrajaya dan 1,612 di Labuan. 29 pencalonan yang telah dikemukakan melalui Persatuan-Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Majlis Anugerah Penjaja Dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan dengan mengambil kira penilaian mengikut dua fasa yang turut melibatkan semakan terhadap premis perniagaan yang dicalonkan.

4. Penghargaan ini adalah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan komuniti penjaja dan peniaga kecil khususnya di Wilayah Persekutuan sebagai agen ekonomi yang begitu efektif dan efisien kepada para pengguna. Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan bersetuju untuk memberi sumbangan khas kepada setiap Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan berjumlah RM20,000 bagi setiap persatuan. Sumbangan ini bertujuan supaya peranan persatuan dapat diperkasakan lagi dalam menggalakkan semua penjaja dan peniaga kecil terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan terbaik kepada masyarakat.

5. Melalui penganugerahan ini, diharap akan dapat meningkatkan motivasi dan produktiviti para penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan. Ini kerana aktiviti sektor ini turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara. Setiap penjaja dan peniaga kecil yang diberi lesen perlulah cekal dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan kerana telah mendapat sokongan dan bantuan dari pelbagai pihak terutamanya oleh pihak Kerajaan. Penjaja dan peniaga kecil Wilayah Persekutuan yang didokong oleh persatuan-persatuan yang terlibat diharapkan dapat terus maju dan membangun bersama arus kemajuan negara khususnya dalam mencapai status negara maju kelak.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
14 Disember 2015
KUALA LUMPUR